PENERAPAN RUMUS SINTAKSIS DALAM KARANGAN FIKSYEN KANAK-KANAK OLEH MURID LEMBAM SEKOLAH RENDAH: FOKUS PADA BINAAN AYAT

(*Application of Syntactic Analysis in Children's Fiction Essays by Slow Learner Students in Primary School: Focus on Sentence Building*)

*Nor Azuwan Yaakob**
azuwan@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Awang Sariyan
kembarabahasa2010@gmail.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Nurulakla Syed Abdullah
syedakla@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pengarang koresponden: *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Nor Azuwan Yaakob, Awang Sariyan & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2022). Penerapan rumus sintaksis dalam karangan fiksyen kanak-kanak oleh murid lembam sekolah rendah: Fokus pada binaan ayat. *Jurnal Bahasa*, *22*(2), 299–328. http://doi.org.10.37052/jb22(2)no6

Peroleh: *Received*:	27/6/2022	Semakan: *Revised*	12/9/2022	Terima: *Accepted*:	30/9/2022	Terbit dalam talian: *Published online*:	31/10/2022

Abstrak

Kajian ini berfokus pada penerapan rumus sintaksis dari aspek binaan ayat dalam karangan fiksyen kanak-kanak oleh murid lembam sekolah rendah di Selangor dan Putrajaya, Malaysia. Objektif kajian adalah

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2022. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)
ISSN: 1511-9084 e-ISSN: 2462-1889

untuk menganalisis binaan unsur sintaksis yang dihasilkan dalam karangan fiksyen kanak-kanak oleh sampel kajian terpilih; mengaitkan analisis binaan unsur sintaksis itu dengan kemampuan sampel kajian dalam penulisan karangan fiksyen kanak-kanak dari sudut bahasa; serta menyarankan strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk aspek penulisan kepada murid-murid lembam. Aspek sintaksis yang dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini ialah binaan ayat, yang meliputi ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur. Aspek binaan ayat ialah aspek asas dalam sintaksis yang perlu dikuasai untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Model analisis sintaksis yang digunakan ialah model yang diketengahkan oleh Awang (2015) yang merupakan penyesuaian daripada Model Short dan Leech (1981, 2007) dalam kaedah analisis prosa fiksyen. Daripada analisis yang dilakukan, didapati bahawa sampel kajian yang terdiri daripada kategori murid lembam dapat menerapkan rumus sintaksis untuk menerbitkan ayat dalam hierarki sintaksis, iaitu daripada ayat tunggal (ayat yang paling mudah) kepada ayat yang lebih kompleks, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan.

Kata kunci: Rumus sintaksis, binaan ayat, karangan fiksyen, murid lembam, penulisan, kanak-kanak

Abstract

This study focuses on the application of syntactic analysis in the aspect of sentence building in children's fiction essays by slow learner students in primary school in Selangor and Putrajaya, Malaysia. The objectives of this study are: to analyze the structure of syntactic elements produced in children's fiction essays by a selected sample; to associate the structure analysis of the syntactic elements with the ability of the study sample in the writing of children's fiction essays from a language point of view; as well as to recommend teaching and learning (PdP) strategies in the aspect of writing for slow learner students. The syntactic aspect selected for the analysis of this study is the build-up of the sentence, which includes a single sentence, a combined compound sentence, a plural sentence of spikes and a mixed compound sentence. The construction aspect of a sentence is a basic aspect of syntax that needs to be mastered in order to convey information. The syntactic analysis model used is a model highlighted by Awang (2015), which is an adaptation of the Short and Leech Models (1981, 2007) in the fictional prose analysis method. From the analysis, it was found that the sample of this study consists

of slow learner students who are able to apply syntactic analysis to produce sentences in syntactic hierarchies, from single sentences (the simplest sentences) to more complex sentences (combined compound sentences and spike compound sentences).

Keywords: Syntactic analysis, sentence building, fiction essay, slow learner students, writing, children

PENDAHULUAN

Sintaksis merupakan unit tatabahasa yang tertinggi sesudah unit-unit yang lebih kecil, iaitu fonem, morfem, kata dan klausa. Dalam kajian Nor Azuwan *et al.* (2021), analisis dibuat untuk menunjukkan penerapan unsur leksikal, unsur tatabahasa dan unsur gaya bahasa (stilistik), dengan dua unsur pertama, iaitu leksikal dan sintaksis mewakili aspek linguistik dan aspek ketiga, iaitu gaya bahasa mewakili aspek stilistik. Selain itu, Menurut Nik Safiah *et al.* (1993:317), sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Ayat ialah unit yang sempurna untuk menyampaikan sesuatu fikiran, maklumat dan perasaan. Awang (2015:6) merumuskan bahawa rumus-rumus dalam komponen sintaksislah yang merangkaikan kata dan frasa untuk membentuk ayat yang tidak terbatas bilangannya.

Menurut Ismail (2016:5) pula, bidang sintaksis merupakan kajian mengenai jenis dan bentuk frasa serta aturan yang diperlukan dalam pembentukan ayat. Oleh hal yang demikian, pemahaman dalam bidang sintaksis, iaitu struktur, binaan (konstruksi), konstituen (unsur), frasa, klausa, subjek, predikat dan objek serta susunan adalah perlu untuk memahami struktur binaan ayat. Terdapat tiga kategori sintaksis, iaitu binaan ayat, jenis ayat dan ragam ayat. Binaan ayat merujuk kompleksiti ayat, iaitu bermula dengan ayat tunggal dan kemudian ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur (Awang, 2015). Jenis ayat merujuk ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan. Ragam ayat pula merujuk ayat aktif dan ayat pasif. Bagi kajian ini, aspek sintaksis yang dipilih untuk dianalisis ialah binaan ayat, yang meliputi ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur. Aspek binaan ayat ialah aspek asas dalam sintaksis yang perlu dikuasai untuk menyampaikan sesuatu maklumat.

SOROTAN KAJIAN

Kanak-kanak bermasalah dalam pembelajaran mengalami tiga jenis gangguan bahasa, iaitu gangguan penerimaan (*receptive*), pelahiran idea atau pertuturan (*expressive*) dan gabungan kedua-dua gangguan tersebut (*mixed receptive and expressive*) (Blackhurst, 1981). Gangguan penerimaan memperlihatkan kanak-kanak itu tidak mampu menghasilkan bahasa seperti yang dijangka sesuai dengan tahap umurnya; dan gangguan pelahiran idea atau pertuturan tidak berjaya menyampaikan mesej dengan tepat dan sesuai.

Kajian Puteri Roslina dan Nur Azimah (2016) terhadap "Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam dalam Pembelajaran Bahasa Melayu" mendapati bahawa terdapat tiga gaya pembelajaran, iaitu visual sebanyak 77%, auditori 52% dan kinestetik 65% telah diterapkan oleh kanak-kanak lembam. Kanak-kanak lembam dapat menguasai kefahaman bahasa Melayu dari aspek huruf dan suku kata, tetapi penguasaan perkataan adalah pada tahap sederhana khususnya bagi membaca dan menulis.

Terdapat juga beberapa kajian lain yang memperlihatkan unsur sintaksis dalam penulisan murid. Antaranya, Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy (2019) dalam kajian "Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil...". Instrumen ujian bertulis dan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) digunakan terhadap sejumlah 50 orang sampel kajian yang terdiri daripada murid India Tahun Lima di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Serdang. Hasil kajian mendapati bahawa murid tidak menguasai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran sepenuhnya.

Selain itu, Nor Azuwan *et al.* (2021) dalam kajian terhadap pencapaian murid lembam dalam penulisan fiksyen kanak-kanak mendapati hampir semua responden tidak menampilkan unsur gaya bahasa seperti diksi atau pilihan kata yang istimewa. Daripada 15 orang, hanya seorang yang menerapkan peribahasa sebagai salah unsur gaya bahasa, namun peribahasa itu pun tidak tepat. Sejumlah besar responden kajian memperlihatkan keupayaan menerapkan aspek linguistik yang menjadi mekanik penting dalam aspek ekspresif bahasa, binaan kata (morfologi) dan ayat (sintaksis). Namun begitu, terdapat juga kelemahan oleh sejumlah besar responden tersebut untuk mematuhi rumus atau aturan tatabahasa.

Selanjutnya, Siti Rahayu dan Sharil Nizam (2022) dalam kajian "Analisis Kesilapan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam". Teori Aplikasi Kesilapan Corder digunakan bagi tujuan

analisis terhadap 50 sampel karangan deskriptif yang ditulis oleh murid tahun enam yang berpencapaian sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa murid tahun enam melakukan 78 kesilapan golongan kata tugas dalam penulisan karangan.

Berdasarkan sorotan kajian lalu jelaslah bahawa terdapat kesilapan yang ketara untuk aspek binaan ayat dalam penulisan karangan murid. Menurut Zamri *et al.* (2021), kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang paling sukar untuk dikuasai terutamanya bagi mereka yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kebiasaannya, murid dipengaruhi oleh penggunaan bahasa ibunda (Halida & Zamri, 2021). Namun begitu, masih kurang kajian yang memberi tumpuan khusus terhadap penerapan rumus sintaksis dalam penulisan karangan oleh murid-murid lembam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah utama yang dihadapi oleh murid pemulihan khas dalam penguasaan penulisan ialah kesukaran pemilihan kosa kata semasa menulis. Perkara ini selaras dengan kajian Siti Farah (2011), semasa menulis ayat, sasaran idea yang ingin disampaikan oleh murid lembam sukar difahami termasuk kesalahan yang sering diulangi dan kekeliruan idea dalam pemilihan kata, frasa, dan struktur ayat. Faktor ini banyak dipengaruhi penggunaan dialek yang tidak gramatis.

Murid lembam berkemungkinan belum sesuai diminta menulis karangan yang bertajuk bebas untuk menilai keupayaan daya imaginasinya. Kelemahan murid lembam mematuhi rumus atau aturan tatabahasa kurang memenuhi aspek ekspresif bahasa (Nor Azuwan *et al.*, 2021). Keadaan ini turut dialami oleh murid bukan lembam. Namun begitu, sebahagian besar murid mampu menulis semula cereka berkaitan dengan kesejajaran antara isi dengan tajuk atau tema dan perkembangan cerita. Murid lembam pula belum berupaya memanfaatkan unsur gaya bahasa yang berkaitan dengan diksi dan ungkapan yang mewakili aspek estetik bahasa.

Oleh itu, isu yang dihadapi oleh murid lembam menyukarkan mereka menguasai penulisan karangan. Analisis binaan unsur sintaksis sememangnya amat wajar dilakukan. Seterusnya, perancangan aktiviti dan latihan karangan murid-murid lembam dapat dirangka dengan berkesan serta menarik minat murid dalam subjek bahasa Melayu.

Objektif kajian adalah untuk menganalisis binaan unsur sintaksis yang dihasilkan dalam karangan fiksyen kanak-kanak oleh murid-murid lembam peringkat sekolah rendah; mengaitkan analisis binaan unsur sintaksis dengan kemampuan sampel kajian dalam penulisan karangan fiksyen kanak-kanak dari sudut bahasa; serta menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam aspek penulisan untuk murid-murid lembam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan penelitian terhadap penerapan rumus sintaksis dalam karangan fiksyen kanak-kanak oleh murid lembam sekolah rendah. Sejumlah 15 orang murid lembam sekolah rendah di Selangor dan Putrajaya, Malaysia dijadikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian berdasarkan cadangan pentadbiran murid sekolah yang dikaji. Selaras dengan latar belakang murid kategori lembam, tajuk cerita tertentu ditetapkan untuk sesi penceritaan. Tiga tajuk cerita dipilih, iaitu "Arnab dan Kura-kura", "Sang Kancil dengan Harimau" dan "Singa dengan Tikus". Tajuk cerita yang ditetapkan lazimnya boleh dijiwai oleh kanak-kanak lembam. Selanjutnya, murid diminta menulis karangan sendiri dengan menggunakan bahasa mereka sendiri, tetapi berdasarkan urutan cerita yang disampaikan dalam sesi penceritaan.

Fokus utama kajian ini ialah binaan unsur sintaksis yang dihasilkan oleh sampel kajian. Aspek sintaksis yang dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini ialah binaan ayat, yang meliputi ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur (Nor Azuwan *et al*., 2021). Empat unsur sintaksis dijadikan tumpuan kajian, iaitu subjek – predikat, kompleksiti ayat, jenis ayat dan ragam ayat.

Selain itu, model analisis sintaksis yang digunakan ialah model yang diketengahkan oleh Awang (2015) diadaptasi daripada Model Short dan Leech (2007) dalam kaedah analisis prosa fiksyen. Leech dan Short membahagikan kategori analisis kepada empat, iaitu kategori leksikal, kategori tatabahasa, kategori kiasan dan kategori konteks dan kepaduan. Perbezaan model yang terdapat dalam model Awang pula, meliputi kategori leksikal, kategori sintaksis, kategori gaya bahasa dan kategori konteks dan kepaduan dijadikan asas dalam analisis kajian ini

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan tiga jadual berikut, dipaparkan pencapaian 15 orang responden bagi kategori sintaksis dalam penulisan karangan mereka. Kajian ini mengemukakan kekerapan dalam bentuk peratusan untuk menilai karangan responden dari sudut kreativiti dan keberkesanan penulisan.

Jadual 1 menunjukkan peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan "Arnab dan Kura-kura" oleh lima orang responden terpilih (R1, R2, R3, R4 dan R5). R1 memperlihatkan sejumlah 66.6% binaan subjek-predikat (daripada jumlah ayat yang dihasilkan dalam karangan). Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal sejumlah 40%, ayat majmuk gabungan sejumlah 33.3%, ayat majmuk pancangan sejumlah

Jadual 1 Peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan "Arnab dan Kura-kura".

ANALISIS DATA –KATEGORI LINGUISTIK							
TAJUK	**Arnab dan Kura-kura**						
			R1	**R2**	**R3**	**R4**	**R5**
SINTAKSIS	**Struktur ayat**	**Subjek Predikat**	10/15 (66.6%)	9/12 (75%)	19/22 (86.3%)	22/24 (91.6%)	26/32 (81.3%)
	Binaan Ayat	**Ayat tunggal**	6/15 (40%)	1/12 (8.3%)	20/22 (90.9%)	1/24 (4.1%)	28/32 (87.5%)
		Ayat majmuk gabungan	5/15 (33.3%)	4/12 (33.3%)	2/22 (9%)	-	3/32 (9.3%)
		Ayat majmuk pancangan	3/15	4/12 (33.3%)	2/22 (9%)	-	3/32 (9.3%)
		Ayat majmuk campuran	1/15 (33.3%)	3/12 (25%)	-	-	-
	Jenis Ayat	**Ayat penyata**	15/15 (100%)	12/12 (100%)	20/22 (90.9%)	23/24 (95.8%)	31/32 (96.8%)
		Ayat tanya	-	-	2/22 (9%)	1/24 (4.1%)	-
		Ayat permintaan	-	-	-	-	1/32 (3.2%)
		Ayat seruan	-	-	-	-	-
	Ragam Ayat	**Ayat aktif**	15/5 (100%)	11/12 (91.6%)	22/22 (100%)	24/24 (100%)	31/32 (96.8%)
		Ayat Pasif	-	1/12 (8.3%)	-	-	1/32 (3.2%)

20%, dan ayat majmuk campuran sejumlah 6.6%. Bagi jenis ayat, R1 hanya memperlihatkan penggunaan ayat penyata, iaitu sejumlah 100%, manakala tiada penggunaan ayat tanya, ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 100% penggunaan ayat aktif dan tiada ayat pasif.

R2 pula, memperlihatkan sejumlah 75% bagi binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal sejumlah 8.3%, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan masing-masing sejumlah 33.3%, manakala penggunaan ayat majmuk campuran sejumlah 25%. Bagi jenis ayat, R2 memperlihatkan sejumlah 100% penggunaan ayat penyata, dan tiada penggunaan ayat tanya, ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat, sejumlah 91.6% penggunaan ayat aktif dan sejumlah 1.4% sahaja penggunaan ayat pasif.

R3 pula memperlihatkan sejumlah 86.3% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal 90.9%, ayat majmuk gabungan hanya 9% dan tiada penggunaan ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Seterusnya, bagi jenis ayat, R3 memperlihatkan penggunaan sejumlah 90.9% ayat penyata dan hanya sejumlah 9% ayat tanya, namun tiada penggunaan ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat, penggunaan ayat aktif berjumlah 100% dan tiada penggunaan ayat pasif.

Selain itu, R4 memperlihatkan sejumlah 91.6%. binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal hanya 4.1%, dan ayat majmuk pancangan 95.8% namun, tiada penggunaan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk campuran. Seterusnya, jenis ayat memperlihatkan penggunaan sejumlah 95.8% ayat penyata dan hanya sejumlah 4.1% penggunaan ayat tanya, namun tiada penggunaan ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, sejumlah 100% penggunaan ayat aktif dan tiada penggunaan ayat pasif.

Bagi R5, didapati penggunaan binaan ayat yang meliputi binaan subjek-predikat adalah sejumlah 81.2%. Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal berjumlah 87.5%, ayat majmuk gabungan 9.3%, ayat majmuk pancangan 3.1% dan tiada penggunaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, jenis ayat memperlihatkan penggunaan sejumlah 96.8% ayat penyata dan 3.2% ayat permintaan, namun tiada ayat tanya dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, sejumlah 96.8% penggunaan ayat aktif dan 3.2% ayat pasif

Jadual 2 menunjukkan peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan “Sang Kancil dengan Harimau” oleh lima orang responden terpilih. R1 memperlihatkan binaan subjek-predikat mencapai tahap kegramatisan 100%. Bagi kompleksiti ayat, R1 menggunakan

Jadual 2 Peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan "Sang kancil dengan Harimau".

ANALISIS DATA –KATEGORI LINGUISTIK							
TAJUK	**Arnab dan Kura-kura**						
			R1	R2	R3	R4	R5
SINTAKSIS	**Struktur ayat**	**Subjek Predikat**	15/15 (100%)	15/17 (88.2%)	9/11 (81.8%)	4/9 (44.4%)	-
	Binaan Ayat	**Ayat tunggal**	11/15 (73.3%)	14/7 (82.3%)	3/11 (27.2%)	5/9 (55.5%)	-
		Ayat majmuk gabungan	1/15 (6.6%)	1/17 (5.8%)	4/11 (36.3%)	2/9 (22.2%)	-
		Ayat majmuk pancangan	3/15 (20%)	2/17 (11.7%)	4/11 (36.3%)	2/9 (22.2%)	-
		Ayat majmuk campuran	-	-	-	-	1/1 (100%)
	Jenis Ayat	**Ayat penyata**	15/15 (100%)	13/17 (76.4%)	11/11 (100%)	9/9 (100%)	1/1 (100%)
		Ayat tanya	-	1/17 (5.8%)	-	-	-
		Ayat permintaan	-	1/17 (5.8%)	-	-	-
		Ayat seruan	-	2/17 (11.7%)	-	-	-
	Ragam Ayat	**Ayat aktif**	14/15 (93.3%)	17/17 (100%)	17/17 (100%)	9/9 (100%)	1/1 (100%)
		Ayat Pasif	1/15 (6.6%)	-	-	-	-

ayat tunggal sejumlah 73.3%, ayat majmuk gabungan sejumlah 6.6%, ayat majmuk pancangan sejumlah 20%, dan tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 100% penggunaan jenis ayat penyata dan tiada penggunaan ayat tanya, ayat permintaan, dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 93.3% penggunaan ragam ayat aktif dan 6.6% ayat pasif.

R2 pula, memperlihatkan sejumlah 88.2% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal sejumlah 82.3%, ayat majmuk gabungan sejumlah 5.8%, ayat majmuk pancangan sejumlah 11.7% dan tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati

sejumlah 76.4% penggunaan jenis ayat penyata, sejumlah 5.8% masing-masing bagi penggunaan ayat tanya dan ayat permintaan manakala sejumlah 11.7% penggunaan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 100% penggunaan ragam ayat aktif dan tiada penggunaan ragam ayat pasif.

R3 memperlihatkan sejumlah 81.8% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal sejumlah 27.2%, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan masing-masing sejumlah 36.3%, manakala tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 100% penggunaan jenis ayat penyata dan tiada penggunaan jenis ayat tanya, ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 100% penggunaan ragam ayat aktif dan tiada ragam ayat pasif.

Selain itu, R4 memperlihatkan sejumlah 44.4% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal sejumlah 55.5%, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan masing-masing sejumlah 22.2%, manakala tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 100% penggunaan jenis ayat penyata dan tiada penggunaan jenis ayat tanya, ayat permintaan dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 100% penggunaan ragam ayat aktif dan tiada ragam ayat pasif.

R5 didapati tidak menguasai binaan subjek-predikat kerana semua ayat dalam karangan ditulis sebagai satu ayat, tanpa noktah dan tiada penggunaan huruf besar sebagai tanda pemisah ayat.

Jadual 3 menunjukkan peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan "Singa dengan Tikus" oleh lima orang responden terpilih. R1 memperlihatkan sejumlah 33.3% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal berjumlah 87.5%, ayat majmuk gabungan 8.3%, ayat majmuk pancangan sejumlah 4.1%, manakala tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 100% penggunaan jenis ayat penyata dan tiada ayat tanya, ayat permintaan, dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula didapati sejumlah 91.6% penggunaan ragam ayat aktif dan 8.3% ayat pasif.

R2 pula, memperlihatkan sejumlah 100% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal sejumlah 41.6%, ayat majmuk gabungan sejumlah 25.0%, ayat majmuk pancangan sejumlah 33.3% dan tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 91.6% penggunaan jenis ayat penyata, sejumlah 8.3% ayat permintaan dan tiada penggunaan jenis ayat tanya dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula,

Jadual 3 Peratusan bagi penggunaan kategori sintaksis dalam penulisan karangan "Singa dengan Tikus".

ANALISIS DATA –KATEGORI LINGUISTIK							
TAJUK	**Arnab dan Kura-kura**						
			R1	R2	R3	R4	R5
SINTAKSIS	**Struktur ayat**	**Subjek Predikat**	8/24 (33.3%)	12/12 (100%)	13/13 (100%)	15/17 (88.2%)	12/12 (100%)
	Binaan Ayat	**Ayat tunggal**	21/24 (87.5%)	5/12 (41.6%)	8/13 (61.5%)	12/17 (70.6%)	7/12 (58.3%)
		Ayat majmuk gabungan	2/24 (8.3%)	3/12 (25%)	3/13 (23%)	-	4/12 (33.3%)
		Ayat majmuk pancangan	1/24 (20%)	4/12 (33.3%)	2/13 (15.3%)	4/17 (23.5%)	1/12 (8.3%)
	Jenis Ayat	**Ayat majmuk campuran**	-	-	-	1/17 (5.8%)	-
		Ayat penyata	24/24 (100%)	11/12 (91.6%)	12/13 (92.3%)	15/17 (88.2%)	11/12 (91.6%)
		Ayat tanya	-	-	-	-	-
		Ayat permintaan	-	1/12 (8.3%)	1/13 (7.6%)	2/12 (11.7%)	1/12 (8.3%)
		Ayat seruan	-	-	-	-	-
	Ragam Ayat	**Ayat Aktif**	22/24 (91.6%)	11/12 (91.6%)	12/13 (92.3%)	16/17 (94.1%)	11/12 (91.6%)
		Ayat pasif	2/24 (8.3%)	1/12 (8.3%)	1/13 (7.6%)	1/17 (5.8%)	1/12 (8.3%)

didapati sejumlah 91.6% penggunaan ragam ayat aktif dan sejumlah 8.3% ragam ayat pasif.

R3 turut memperlihatkan sejumlah 100% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal berjumlah 61.5%, ayat majmuk gabungan 23%, ayat majmuk pancangan sejumlah 15.3% dan tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, didapati sejumlah 92.3% penggunaan jenis ayat penyata, sejumlah 7.6% ayat permintaan dan tiada penggunaan jenis ayat tanya dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 92.3% penggunaan ragam ayat aktif dan sejumlah 7.6% ragam ayat pasif.

Selain itu, R4 memperlihatkan sejumlah 88.2% binaan subjek-predikat. Bagi kompleksiti ayat, ayat tunggal yang digunakan sejumlah 70.6%, ayat majmuk pancangan sejumlah 23.5%, ayat majmuk campuran sejumlah 5.8%, manakala tiada binaan ayat majmuk gabungan. Seterusnya, bagi jenis ayat, didapati sejumlah 88.2% penggunaan jenis ayat penyata, sejumlah 11.7% ayat permintaan dan tiada penggunaan jenis ayat tanya dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 94.1% penggunaan ragam ayat aktif dan sejumlah 5.8% ragam ayat pasif.

Bagi R5, didapati penggunaan binaan ayat yang meliputi binaan subjek-predikat adalah sejumlah 100%. Bagi kompleksiti ayat, penggunaan ayat tunggal sejumlah 58.3%, ayat majmuk gabungan sejumlah 33.3%, ayat majmuk pancangan sejumlah 8.3% dan tiada binaan ayat majmuk campuran. Seterusnya, bagi jenis ayat didapati sejumlah 91.6% penggunaan jenis ayat penyata, sejumlah 8.3% ayat permintaan dan tiada penggunaan jenis ayat tanya dan ayat seruan. Bagi ragam ayat pula, didapati sejumlah 91.6% penggunaan ragam ayat aktif dan sejumlah 8.3% ragam ayat pasif.

Binaan Unsur-unsur Sintaksis

Analisis dilakukan dalam tiga bidang utama sintaksis, iaitu binaan ayat, jenis ayat dan ragam ayat. Dalam aspek binaan ayat, dianalisis binaan ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur. Dalam aspek jenis ayat, dianalisis ayat penyata, ayat tanya, ayat permintaan dan ayat seruan. Dalam aspek ragam ayat pula, dianalisis ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif. Hasil analisis, ditunjukkan binaan ayat, jenis ayat dan ragam ayat dalam konteks penguasaan bahasa oleh sampel kajian untuk mengolah penulisan karangan fiksyen kanak-kanak.

Binaan Ayat

(a) Ayat Tunggal

Ayat tunggal ialah ayat yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat (Nik Safiah *et al*., 2011) atau ayat yang diistilahkan oleh Za‘ba (2000) sebagai ayat selapis. Ayat tunggal boleh menjadi ayat utama dalam pembentukan ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk bercampur (Awang, 2015). Terdapat ayat tunggal yang paling ringkas tanpa tambahan unsur lain, seperti kata bantu, kata penguat, kata pemeri dan frasa keterangan ayat. Ayat tunggal yang menerima unsur

tambahan yang dinyatakan itu masih tetap ayat tunggal kerana tidak menambah bilangan subjek dan predikat. Pola ayat tunggal yang paling ringkas dan ayat tunggal yang disertai unsur tambahan dibincangkan dalam analisis ayat contoh di bawah ini. Contoh ayat tunggal dalam karangan yang dipetik daripada sampel kajian adalah seperti yang berikut:

(1) Juri mereka ialah burung kakak tua.
(2) Dan lalu arnab tertidur di bawah pokok itu.
(3) Tiba-tiba beruang pun datang.
(4) Beruang membawa poster.
(5) Sang kura-kura keluar.
(6) Dia hendak mencari makan.
(7) Dia mahu pergi ke sungai.
(8) Pada satu hari singa sedang mencari makanan.
(9) Pada waktu itu, tikus sedang berjalan-jalan di hutan.

Berdasarkan contoh di atas, terdapat beberapa binaan ayat tunggal yang digunakan dalam sampel kajian. Pola yang dapat dirumuskan daripada contoh binaan ayat tunggal itu adalah seperti yang berikut:

1. Subjek + Predikat (tanpa unsur tambahan)
2. Subjek + Predikat (dengan kata bantu)
3. Subjek + Predikat (dengan kata pemeri)
4. Subjek + Predikat + Frasa keterangan ayat
5. Subjek + Predikat (dengan kata bantu) + Frasa keterangan ayat
6. Frasa keterangan ayat + Subjek + Predikat
7. Frasa keterangan ayat + Subjek + Predikat + Frasa keterangan ayat

(a) (i) Ayat Tunggal Subjek + Predikat (Tanpa Unsur Tambahan)

(1) Beruang membawa poster.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Beruang* + Predikat Frasa kerja transitif *membawa poster*)

(2) Sang kura-kura keluar.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Sang kura-kura* + Predikat Frasa kerja tak transitif *keluar*)
Ayat Tunggal Subjek + Predikat (dengan Kata Bantu)

(1) Dia hendak mencari makan.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Dia* + Predikat Frasa kerja [kata bantu modaliti *hendak* + kerja transitif terikat *mencari makan*])

(a) (ii) Ayat Tunggal Subjek + Predikat (dengan Kata Pemeri)

(1) Juri mereka ialah burung kakak tua.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Juri mereka* + Predikat [kata pemeri *ialah* + Frasa Nama *burung kakak tua*])

(a) (iii) Ayat Tunggal Subjek + Predikat + Frasa Keterangan

(1) Arnab tertidur di bawah pokok itu.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Arnab* + Predikat [Frasa kerja tak transitif *tertidur*] + Frasa Keterangan [*di bawah pokok itu*])

(a) (iv) Ayat Tunggal Subjek + Predikat (dengan Kata Bantu) + Frasa Keterangan

(1) Dia mahu pergi ke sungai.
Analisis sintaksis:
(Subjek *Dia* + Predikat Frasa Kerja [kata pemeri *mahu* + Kata kerja tak transitif *pergi*] + Frasa keterangan *ke sungai*)

Ayat Tunggal Frasa Keterangan + Subjek + Predikat

(1) Tiba-tiba beruang pun datang.
Analisis sintaksis:
(Frasa keterangan *Tiba-tiba* + Subjek *beruang* + partikel *pun* + Predikat [Frasa kerja tak transitif *datang*])

(2) Pada satu hari singa sedang mencari makan.
Analisis sintaksis:
(Frasa keterangan *Pada satu hari* + Subjek *singa* +Predikat Frasa kerja [kata bantu aspek sedang + kata kerja transitif terikat *mencari makan*])

(a) (v) Ayat Tunggal Frasa Keterangan + Subjek + Predikat + Keterangan

(1) Pada waktu itu tikus sedang berjalan-jalan di hutan.
Analisis sintaksis:
(Frasa keterangan *Pada waktu itu* + Subjek *tikus* + Predikat Frasa kerja [kata bantu aspek *sedang* + kata kerja tak transitif ganda *berjalan-jalan*] + Frasa keterangan *di hutan*)

Daripada analisis ayat tunggal yang dihasilkan didapati bahawa murid dalam kategori lembam mempunyai potensi menerapkan rumus ayat tunggal sebagai salah satu unsur sintaksis yang asas. Penerapan rumus itu pula menunjukkan adanya kepelbagaian pola yang terhasil (dalam analisis berdasarkan ayat-ayat contoh, terdapat tujuh pola variasi ayat tunggal yang dihasilkan). Hal ini bererti bahawa potensi untuk murid dalam kategori lembam menggunakan variasi ayat tunggal sebagai kelainan gaya tetap ada pada murid dalam kategori lembam. Selain itu, potensi itu dapat dikaitkan juga dengan kebolehan meluaskan unsur ayat tunggal dengan unsur tambahan seperti kata bantu, kata pemeri dan frasa keterangan ayat. Potensi ini perlu dimanfaatkan oleh guru dan ibu bapa dalam proses pemerolehan bahasa dan pengembangan kreativiti berbahasa murid dalam kategori lembam. Sementara itu, ayat tunggal yang tidak gramatis, iaitu yang tidak memenuhi rumus sintaksis boleh dijadikan bahan analisis kesilapan bahasa dalam proses PdP di bilik darjah.

(b) Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada gabungan lebih daripada satu ayat tunggal (Nik Safiah *et al*., 2011; Awang, 2015) atau ayat yang diistilahkan oleh Za‘ba (2000) sebagai ayat berlapis. Gabungan ayat tunggal itu boleh terdiri daripada dua ayat tunggal atau lebih daripada dua ayat tunggal. Dalam konteks penyataan fikiran dan perasaan, ayat gabungan mewakili keterampilan berbahasa yang lebih tinggi kerana penggabungan lebih daripada satu ayat tunggal bererti wujud penggabungan lebih daripada satu idea atau perkara dalam satu ayat. Dalam konteks penulisan cereka, penggabungan ayat berkaitan dengan plot atau jalan cerita, iaitu plot yang dijalin dalam bentuk pernyataan ayat tunggal digabungkan dalam ayat gabungan untuk menimbulkan kesan kepada kepaduan cerita.

Contoh ayat majmuk gabungan yang dihasilkan dalam karangan sampel kajian adalah seperti yang berikut:

(1) Sang kura-kura melihat sang arnab tertidur lalu sang kura-kura berlari bersungguh-sungguh.
(2) Di dalam hutan terdapat seekor arnab dan seekor kura-kura.
(3) Arnab pun bangun dan pergi ke kebun monyet.
(4) Kura-kura jauh ketinggalan di belakang manakala arnab sudah jauh ke depan.
(5) Sang arnab terlalu menyesal lalu meminta maaf kepada sang kura-kura.
(6) Sang arnab sedang bersiar-siar di dalam hutan dan sang arnab terserempak dengan sang kura-kura.
(7) Dia hendak melintasnya tetapi tiada jambatan.
(8) Sang kancil meminta maaf dan terus mengira.
(9) Sang kancil hendak menyeberang tetapi titi itu hampir (ter)cabut.
(10) Sang kancil bernasib baik tidak terjatuh ke dalam sungai.
(11) Ketika itu si tikus terleka dan ia terpijak ekor sang singa dan sang singa telah bangun dari tidurnya.
(12) Singa terlepas dari perangkap dan berterima kasih kepada tikus.
(13) Sang harimau menjerit-jerit meminta tolong.
(14) Tiba-tiba sang harimau muncul di hadapan sang kancil dan mahu memakan sang kancil.

Binaan ayat majmuk gabungan yang diterapkan oleh sampel kajian dapat dirumuskan sebagai yang berikut:

1. Gabungan ayat tunggal penuh + ayat tunggal penuh
2. Gabungan ayat tunggal yang mengalami pengguguran subjek salah satu ayat tunggal
3. Gabungan ayat tunggal yang mengalami pengguguran predikat salah satu ayat tunggal
4. Gabungan ayat tunggal + ayat tunggal tanpa kata hubung gabungan
5. Gabungan lebih daripada dua ayat tunggal

(b) (i) Ayat Gabungan Ayat Tunggal Penuh + Ayat Tunggal Penuh

Ayat gabungan ini terbentuk daripada penggabungan dua ayat tunggal penuh tanpa pengguguran mana-mana unsur, sama ada subjek atau predikat (Awang, 2015:120–127). Contoh daripada sampel:

(1) Sang kura-kura melihat sang arnab tertidur lalu sang kura-kura berlari bersungguh-sungguh.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang kura-kura melihat sang arnab tertidur*] + kata hubung gabungan [*lalu*] + ayat tunggal [*Sang kura-kura berlari bersungguh-sungguh*])

(2) Kura-kura jauh ketinggalan di belakang manakala arnab sudah jauh ke depan.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Kura-kura jauh ketinggalan di belakang*] + kata hubung gabungan [*manakala*] + ayat tunggal [*arnab sudah jauh ke depan*])

(3) Sang arnab sedang bersiar-siar di dalam hutan dan sang arnab terserempak dengan sang kura-kura.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang arnab sedang bersiar-siar di dalam hutan*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal [*arnab terserempak dengan sang kura-kura]*)

(4) Dia hendak melintasnya tetapi tiada jambatan.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Dia hendak melintasinya*] + kata hubung gabungan [*tetapi*] + ayat tunggal [*tiada jambatan*])

(5) Sang kancil hendak menyeberang tetapi titi itu hampir (ter)cabut.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang kancil hendak menyeberang*] + kata hubung gabungan [*tetapi*] + ayat tunggal [*titi itu hampir tercabut*])

(b) (ii) Ayat Gabungan Ayat Tunggal yang Mengalami Pengguguran Subjek Salah Satu Ayat Tunggal

Ayat gabungan jenis ini ialah ayat yang mengalami penggabungan antara ayat tunggal dengan ayat tunggal, tetapi subjek ayat tunggal kedua digugurkan berdasarkan Rumus Pengguguran Unsur Sama (Awang, 2015: 128-132). Unsur sama yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah subjek kedua-dua ayat tunggal. Contoh dalam sampel ialah:

(1) Arnab pun bangun dan pergi ke kebun monyet.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Arnab pun bangun*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*pergi ke kebun monyet*])

(2) Sang arnab terlalu menyesal lalu meminta maaf kepada sang kura-kura.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang Arnab terlalu menyesal*] + kata hubung gabungan [*lalu*] + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*meminta maaf kepada sang kura-kura*])

(3) Sang kancil meminta maaf dan terus mengira.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang kancil meminta maaf*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*terus mengira*])

(4) Singa terlepas dari perangkap dan berterima kasih kepada tikus.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal *[Singa terlepas dari perangkap*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*berterima kasih kepada tikus*])

(5) Tiba-tiba sang harimau muncul di hadapan sang kancil dan mahu memakan sang kancil.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Tiba-tiba harimau muncul di hadapan sang kancil*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*mahu memakan sang kancil*])

(b) (iii) Ayat Gabungan Ayat Tunggal yang Mengalami Pengguguran Predikat Salah Satu Ayat Tunggal

Ayat gabungan jenis ini menggabungkan lebih satu ayat tunggal tetapi predikat ayat tunggal kedua digugurkan berdasarkan Rumus Pengguguran Unsur sama, iaitu predikat ayat (Awang, 2015: 232–234). Contoh daripada sampel:

(1) Di dalam hutan terdapat seekor arnab dan seekor kura-kura.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Di dalam hutan terdapat seekor arnab*] + kata hubung gabungan [*dan*] + ayat tunggal yang mengalami pengguguran predikat [*seekor kura-kura*])

(b) (iv)Ayat Gabungan Ayat Tunggal + Ayat Tunggal Tanpa Kata Hubungan Gabungan

Ayat gabungan jenis ini menggabungkan ayat-ayat tunggal tetapi tidak menggunakan kata hubung gabungan seperti *dan*, *tetapi*, *lalu* dan sebagainya. Ayat gabungan jenis ini merupakan satu gaya bahasa atau kelainan yang lahir daripada penerapan rumus sintaksis. Antara ahli tatabahasa yang menghuraikan binaan ayat gabungan jenis ini termasuklah Asraf (dalam Awang, 2015:42). Contoh daripada sampel:

(1) Sang kancil bernasib baik tidak terjatuh ke dalam sungai.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang kancil bernasib baik*] + tanpa kata hubung gabungan + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*tidak terjatuh ke dalam air*])

(2) Sang harimau menjerit-jerit meminta tolong.
Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Sang harimau menjerit-jerit*] + tanpa kata hubung gabungan + ayat tunggal dengan pengguguran subjek [*meminta tolong*])

(b) (v) Ayat Gabungan Lebih daripada Dua Ayat Tunggal

Ayat gabungan boleh terdiri daripada lebih dua ayat tunggal (Nik Safiah, 1978; Awang, 2015:47). Hal ini juga selaras dengan ciri kekreatifan bahasa, iaitu melalui proses transformasi daripada ayat tunggal, dapat diterbitkan beberapa banyak ayat lain yang mencerminkan kreatifnya bahasa manusia. Contoh daripada sampel:

(1) Ketika itu si tikus terleka dan ia terpijak ekor sang singa dan sang singa telah bangun dari tidurnya.

Analisis sintaksis:
(Ayat tunggal [*Ketika itu si tikus terleka*] + kata hubung gabungan [dan] + ayat tunggal [*ia terpijak ekor sang singa*] + kata hubung gabungan [dan] + ayat tunggal [*sang singa telah bangun dari tidurnya*])

(c) Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terdiri daripada ayat induk atau ayat utama yang dipancangkan ke dalamnya ayat lain dan ayat yang dipancangkan itu berstatus ayat kecil atau ayat klausa. Nik Safiah *et al*. (2011) membahagi ayat pancangan kepada tiga jenis, iaitu ayat pancangan relatif, ayat pancangan komplemen dan ayat pancangan keterangan (Awang, 2015: 101–119, 207–229, 238–258, 291–302, 343). Contoh daripada sampel karangan murid lembam:

(1) Pada zaman dahulu ada dua ekor haiwan, iaitu arnab dan kura-kura yang tinggal di dalam hutan.
(2) Pada satu hari sang arnab mencabar sang kura-kura untuk berlumba lari.
(3) Sang arnab berasa kecewa kerana kalah berlumba lari.
(4) Apabila arnab ternampak kura-kura masih lagi di belakang, dia mahu berehat di bawah pokok.
(5) Pada petang itu ketika sang kura-kura sedang berjoging, dia ternampak sang arnab.
(6) Sekarang saya sudah buktikan kepada awak bahawa saya bukan seperti yang awak katakan.
(7) Burung kakak tua yang menjadi juri begitu gembira.
(8) Aku mahu beritahu kau Raja Sulaiman mengadakan pesta hari jadinya.
(9) Sang kancil pun mencari siapa yang meminta tolong itu.
(10) Sang kancil menemui pokok rambutan yang berbulu lebat di tebing sungai.
(11) Tiba-tiba muncul seekor buaya yang menakutkan.
(12) Tiba-tiba buaya muncul dengan memberi senyuman yang manis.
(13) Jika aku serahkan diri aku, aku sangat bodoh.
(14) Sang kancil mahu ke seberang sungai untuk mengambil buah rambutan.
(15) Kau hendaklah membuat satu barisan untuk aku mengira berapa ekor buaya yang ada di dalam sungai.

(16) Semasa sang kancil bersiar-siar di tepi sungai sang kancil terlihat sebatang pokok rambutan di seberang sungai.
(17) Sang singa melarikan diri kerana dikejar oleh pemburu haram.
(18) Singa berterima kasih kepada tikus kerana menyelamatkannya.
(19) Tikus memujuknya supaya singa tidak memakannya.
(20) Sementara menunggu harimau, sang kancil memasang perangkap di dalam gua.

(c) (i) Ayat Pancangan Relatif

Ayat pancangan relatif ditandai oleh kata hubung relatif yang. Ayat induk menerima ayat terpancang dengan penggunaan kata hubung itu. Ayat terpancang asalnya ialah ayat yang sempurna tetapi apabila dipancangkan ke dalam ayat induk, statusnya menjadi ayat kecil atau klausa. Contoh dalam sampel karangan murid lembam:

(1) Pada zaman dahulu ada dua ekor haiwan, iaitu arnab dan kura-kura yang tinggal di dalam hutan.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Pada zaman dahulu ada dua ekor haiwan, iaitu arnab dan kura-kura*] + ayat terpancang dengan kata hubung relatif dalam konstituen predikat [*yang tinggal di dalam hutan*])

(2) Burung kakak tua yang menjadi juri begitu gembira.
Analisis sintaksis:
Ayat induk [*Burung kakak tua begitu gembira*] + ayat terpancang dengan kata hubung relatif dalam konstituen subjek [*yang menjadi juri*])

(3) Sang kancil pun mencari siapa yang meminta tolong itu.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sang kancil mencari* OBJEK] + ayat terpancang dengan kata hubung relatif dalam konstituen objek [*siapa yang meminta tolong itu*])

(4) Sang kancil menemui pokok rambutan yang berbulu lebat di tebing sungai.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sang kancil menemui pokok rambutan*] + ayat terpancang

dengan kata hubung relatif dalam konstituen predikat [*yang berbulu* (berbuah) *lebat di tebing sungai*])

(5) Tiba-tiba muncul seekor buaya yang menakutkan.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Tiba-tiba muncul seekor buaya*] + ayat terpancang dengan kata hubung relatif dalam konstituen predikat [*yang menakutkan*])

(c) (ii) Ayat Pancangan Komplemen

Ayat pancangan komplemen ditandai oleh penggunaan kata hubung pancangan bahawa. Ayat induk menerima ayat terpancang dengan penggunaan kata hubung pancangan itu. Contoh dalam sampel karangan murid lembam:

(1) Sekarang saya sudah (mem)buktikan kepada awak bahawa saya bukan seperti yang awak katakan.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sekarang saya sudah membuktikan kepada awak*] + ayat terpancang dengan kata hubung pancangan komplemen [*bahawa saya bukan seperti yang awak katakan*])

(2) Aku mahu (mem)beritahu kau (bahawa) Raja Sulaiman mengadakan pesta hari jadinya.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Aku mahu memberitahu kau*] + ayat terpancang dengan kata hubungan pancangan komplemen [*bahawa Raja Sulaiman mengadakan pesta hari jadinya*])

Dalam kes ayat (2), sampel tidak menggunakan kata hubung pancangan komplemen *bahawa* dalam keadaan kata itu sepatutnya digunakan, mungkin terpengaruh oleh bahasa lisan yang menggugurkan penggunaannya.

(c) (iii) Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Ayat pancangan keterangan terdiri daripada ayat induk yang menerima ayat terpancang dengan penggunaan kata hubung pancangan keterangan seperti untuk, kerana, supaya. Contoh dalam sampel karangan murid lembam:

(1) Pada satu hari sang arnab mencabar sang kura-kura untuk berlumba lari.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Pada satu hari sang arnab mencabar sang kura-kura*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*untuk berlumba lari*])

(2) Sang kancil mahu ke seberang sungai untuk mengambil buah rambutan.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sang kancil mahu ke seberang sungai*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*untuk mengambil buah rambutan*])

(3) Kau hendaklah membuat satu barisan untuk aku mengira berapa ekor buaya yang ada di dalam sungai.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Kau hendaklah membuat satu barisan*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*untuk aku mengira berapa ekor buaya yang ada di dalam sungai*])

(4) Sang singa melarikan diri kerana dikejar oleh pemburu haram.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sang melarikan diri*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*kerana dikejar oleh pemburu haram*])

(5) Sang arnab berasa kecewa kerana kalah berlumba lari.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Sang arnab berasa kecewa*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*kerana kalah berlumba lari*])

(6) Singa berterima kasih kepada tikus kerana menyelamatkannya.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Singa berterima kasih kepada tikus*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*kerana menyelamatkannya*])

(7) Apabila arnab ternampak kura-kura masih lagi di belakang, dia mahu berehat di bawah pokok.
Analisis sintaksis:
(Ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*Apabila arnab*

ternampak kura-kura masih lagi di belakang] + ayat induk [*dia mahu berehat di bawah pokok*])

(8) Semasa sang kancil bersiar-siar di tepi sungai sang kancil terlihat sebatang pokok rambutan di seberang sungai.
Analisis sintaksis:
(Ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*Semasa sang kancil bersiar-siar di tepi sungai*] + ayat induk [*sang kancil terlihat sebatang pokok rambutan di seberang sungai]*)

(9) Pada petang itu ketika sang kura-kura sedang berjoging, dia ternampak sang arnab.
Analisis sintaksis:
(Ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*Pada petang itu ketika sang kura-kura sedang berjoging*] + ayat induk [*dia ternampak sang arnab*])

(10) Sementara menunggu harimau, sang kancil memasang perangkap di dalam gua.
Analisis sintaksis:
(Ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*Sementara menunggu harimau*] + ayat induk [*sang kancil memasang perangkap*])

(11) Tiba-tiba buaya muncul dengan memberi senyuman yang manis.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Tiba-tiba buaya muncul*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*dengan memberi senyuman yang manis*])

(12) Jika aku serahkan diri aku, aku sangat bodoh.
Analisis sintaksis:
(Ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*Jika aku serahkan diri aku*] + ayat induk [*aku sangat bodoh*])

(13) Tikus memujuknya supaya singa tidak memakannya.
Analisis sintaksis:
(Ayat induk [*Tikus memujuknya*] + ayat terpancang dengan kata hubung keterangan [*supaya singa tidak memakannya*])

Binaan ayat majmuk pancangan keterangan yang dihasilkan menunjukkan adanya kepelbagaian ayat majmuk pancangan keterangan yang digunakan. Ada enam jenis ayat majmuk pancangan keterangan yang diterapkan oleh sampel dalam penulisan karangan, iaitu:

1. Yang berkaitan dengan tujuan seperti ayat (1), (2) dan (3) dengan penggunaan kata hubung keterangan *untuk*.
2. Yang membawa maksud sebab, iaitu ayat (4), (5) dan (6) dengan penggunaan kata hubung keterangan *kerana*.
3. Yang mendukung keterangan masa, iaitu ayat (7), (8), (9) dan (10), dengan penggunaan kata hubung keterangan *apabila*, *semasa*, *ketika* dan *sementara*.
4. Yang membawa maksud keterangan cara seperti pada contoh (11) dengan penggunaan kata hubung keterangan *dengan*.
5. Yang berkaitan dengan maksud keterangan syarat tergambar pada ayat (12) dengan penggunaan kata hubung keterangan *jika*.
6. Yang mendukung maksud keterangan harapan, iaitu ayat (13) dengan penggunaan kata hubung keterangan *supaya*.

(d) Ayat Majmuk Bercampur

Ayat majmuk bercampur ialah ayat yang paling kompleks dalam tatatingkat sintaksis kerana binaannya yang berlapis-lapis atau bercampur antara ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan. Za‘ba (2000) menggunakan istilah *ayat bercampur* sementara Asraf menggunakan istilah ayat *transformasi berdasar banyak*, iaitu ayat yang menurutnya "ayat-ayat gabungan yang berangkai-rangkai serta ayat-ayat pancangan yang berlapis-lapis atau berkait-kait dan bercampur-campur." (Asraf, 1978: 768). Huraian tentang ayat majmuk bercampur dapat dirumuskan dalam konteks pelbagai ayat transformasi yang terbit daripada ayat tunggal atau ayat inti (Awang, 2015:39–43). Contoh ayat majmuk bercampur daripada sampel adalah seperti yang berikut:

(1) Arnab terjaga dan terus berlari tetapi kura-kura menjadi juara kerana sang arnab terlalu sombong.
Analisis sintaksis:
(Ayat1 [*Arnab terjaga*] + kata hubung gabungan + Ayat2 dengan pengguguran subjek [*terus berlari*] + kata hubung gabungan + Ayat3

[*kura-kura menjadi juara*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*sang arnab terlalu sombong*])

Ayat majmuk bercampur di atas terdiri daripada ayat gabungan yang terbentuk daripada proses transformasi penggabungan tiga ayat tunggal dan satu ayat pancangan.

(2) Dan mereka pun mula berlumba dan arnab terlalu laju lalu meninggalkan kura-kura di belakang tetapi kura-kura tetap berusaha untuk menang.
Analisis sintaksis:
(Ayat1 [*Dan mereka pun mula berlumba*] + kata hubung gabungan [dan] + Ayat2 [*arnab terlalu laju*] + kata hubung gabungan [*lalu*] + Ayat3 dengan pengguguran subjek [*meninggalkan kura-kura di belakang*] + kata hubung gabungan [*tetapi*] + Ayat4 [*kura-kura tetap berusaha*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*menang*])

Ayat di atas ialah majmuk bercampur yang terbentuk daripada empat ayat tunggal menjadi ayat gabungan dan satu ayat pancangan.

(3) Arnab bangun dari tidur dan melihat kura-kura sudah hampir ke garisan penamat lalu arnab berlari dengan pantas untuk mengejar kura-kura tetapi usahanya hanya sia-sia kerana kura-kura sudah sampai di garisan penamat dan akhirnya kura-kura menjadi pemenang.
Analisis sintaksis:
(Ayat1 [*Arnab baru dari tidur*] + kata hubung gabungan + A2 dengan pengguguran subjek [*melihat kura-kura sudah hampir ke garisan penamat*] + kata hubung gabungan + Ayat3 [*arnab berlari dengan pantas*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*mengejar kura-kura*] + kata hubung gabungan + Ayat4 [*akhirnya kura-kura menjadi pemenang]*)

Ayat majmuk bercampur itu terhasil daripada empat ayat tunggal yang melalui proses transformasi penggabungan (membentuk ayat gabungan empat lapis) dan satu ayat pancangan.

(4) Pada zaman dahulu, terdapat sebuah rimba yang sangat besar dan di dalamnya terdapat benda yang hidup contohnya haiwan, tumbuh-tumbuhan dan air sungai yang sangat bersih.

Analisis sintaksis:
(Ayat1 + [*Pada zaman dahulu, terdapat sebuah rimba*] + kata hubung relatif + ayat terpancang [*sangat besar*] + kata hubung gabungan + Ayat2 [*di dalamnya terdapat benda*] + kata hubung relatif + ayat terpancang [*hidup contohnya haiwan, tumbuh-tumbuhan*] + kata hubung gabungan + ayat majmuk pancangan [*air sungai yang sangat bersih*])

Ayat majmuk bercampur itu terdiri daripada paduan ayat majmuk gabungan (dua ayat tunggal) dan dua ayat pancangan.

(5) Buaya itu berasa gembira lalu buaya itu memanggil rakan-rakannya untuk membantu sang kancil untuk (meN)seberang(i) sungai.
Analisis sintaksis:
(Ayat1 [*Buaya itu berasa gembira*] + kata hubung gabungan + Ayat2 [*Buaya itu memanggil rakan-rakannya*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*membantu sang kancil*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*menyeberangi sungai*])

Ayat majmuk bercampur itu terbentuk daripada dua ayat tunggal yang melalui transformasi penggabungan (menghasilkan ayat majmuk gabungan) dan dua ayat pancangan.

(6) Terima kasih Sang Buaya kerana memberiku melintas untuk mengambil buah rambutan ini.
Analisis sintaksis:
(Ayat1 [*Terima kasih Sang Buaya*] + kata hubungan pancangan + ayat terpancang [*memberiku melintas*] + kata hubung pancangan + ayat terpancang [*mengambil buah rambutan ini*])

Ayat majmuk bercampur di atas terbina daripada paduan antara satu ayat tunggal dengan dua ayat pancangan.

Berdasarkan peratusan kategori sintaksis bagi penulisan karangan "Arnab dan Kura-kura" oleh lima orang responden terpilih, dapatlah dijelaskan bahawa responden mencapai tahap kegramatisan yang agak tinggi bagi struktur ayat subjek – predikat, dengan menguasai rumusan asas binaan ayat. Bagi kompleksiti ayat, terdapat keadaan yang berkontras dari segi pemilihan ayat tunggal. Bagi ragam ayat pula, penerapan ragam ayat

aktif jauh lebih tinggi peratusannya daripada ragam ayat pasif bagi semua responden. Seterusnya, bagi penulisan karangan "Sang Kancil dengan Harimau" oleh lima orang responden terpilih pula, kesemua responden mencapai tahap kegramatisan yang tidak sekata dalam penggunaan subjek-predikat dan kompleksiti ayat. Bagi jenis ayat, peratusan penggunaan ayat penyata agak tinggi, manakala penggunaan ayat tanya sangat rendah bagi semua responden. Demikian juga, bagi jenis ayat permintaan dan ayat seruan yang hanya digunakan oleh seorang responden sahaja daripada jumlah ayat yang ditulis. Selanjutnya, peratusan kategori sintaksis bagi penulisan karangan "Singa dengan Tikus" oleh lima orang responden terpilih menunjukkan bahawa empat orang responden mencapai tahap kegramatisan yang tinggi dalam penulisan ayat yang memenuhi subjek-predikat, manakala kompleksiti ayat tidak sekata. Bagi jenis ayat, keseluruhan responden memilih ayat penyata sebagai cara penyampaian cerita. Ayat tanya dan ayat seruan tidak digunakan sama sekali oleh responden manakala ayat permintaan digunakan oleh empat orang responden dan peratusan penggunaannya agak rendah.

Selain itu, berdasarkan keseluruhan sampel penulisan karangan oleh murid lembam, didapati bahawa mereka dapat menerapkan rumus-rumus sintaksis untuk menerbitkan ayat-ayat dalam hierarki sintaksis, iaitu daripada ayat tunggal (ayat yang paling mudah) kepada ayat yang lebih kompleks, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Hal itu selari dengan fakta yang dinyatakan oleh Chomsky bahawa setiap manusia yang normal (dalam konteks ini murid lembam masih dalam kategori manusia normal) memiliki keupayaan linguistik (*linguistic competence*) yang dapat dikembangkan melalui proses pembelajaran, sama ada pembelajaran formal mahupun tidak formal (Awang, 2015:3). Binaan ayat yang paling kompleks ialah ayat majmuk bercampur yang memerlukan kemampuan memadukan beberapa binaan ayat, khasnya antara ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan. Walaupun kekerapan penggunaan ayat majmuk bercampur jauh lebih rendah daripada kekerapan binaan ayat yang lain, ternyata sejumlah sampel kajian dapat menerapkan rumus ayat majmuk bercampur dalam penulisan karangan mereka.

Malah, bakat asas yang dimiliki juga penting untuk membantu mereka mengembangkan lagi bakat tersebut. Untuk tujuan perancangan dan strategi PdP, guru perlu memanfaatkan bakat atau potensi murid dalam penguasaan rumus-rumus sintaksis itu (meskipun penguasaan itu berkemungkinan besar di luar kesedaran murid) dan kemahiran mereka

mencapai keupayaan ekspresif bahasa (lisan dan tulisan). Perancangan dan strategi juga wajar diusahakan untuk pemeringkatan binaan ayat dalam PdP yang berkaitan dengan tatabahasa dan penulisan. Selain itu, penjanaan ayat yang lebih banyak dan berkonteks dapat menerapkan rumus sintaksis secara lebih kukuh dan berkesan.

KESIMPULAN

Murid lembam dalam kajian ini, ternyata berupaya menerapkan binaan unsur-unsur sintaksis dalam penulisan karangan fiksyen kanak-kanak. Malah, mereka turut memperlihatkan keupayaan menerapkan aspek linguistik yang menjadi mekanik penting dalam penulisan sebagai satu aspek ekspresif bahasa, khasnya dalam aspek binaan kata (morfologi) dan ayat (sintaksis). Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan dalam mematuhi rumus atau aturan tatabahasa. Namun, fenomena itu berlaku juga dalam kalangan murid dalam kategori bukan lembam. Oleh itu, bagi mengatasi kelemahan dalam penerapan rumus sintaksis yang tertentu dalam kalangan murid tertentu, guru perlu mengenal pasti binaan ayat yang masih dapat menerapkan rumus sintaksis tertentu dalam penulisan karangan.

RUJUKAN

Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation, 7*(1), 3 –13. https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0701-01

Asraf. (1978). Beberapa prinsip dasar untuk tatabahasa Melayu: Penggolongan dan Penjenisan Ayat. *Dewan Bahasa, 22*(11), 752–770.

Awang Sariyan. (2015). *Sintaksis bahasa Melayu bersumberkan karya sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Blackhurst, A. E. (1981). *An introduction to special children.* Little Brown.

Borah, R. R. (2012). Slow learners: Role of teachers and guardians in honing their hidden skills. *International Journal of Educational Planning & Administration*, *3*(2), 139–143.

Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu Murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(1), 67–77. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd.

Ismail bin Dahaman. (2016). *Canggihnya bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leech, G.N., & Short, M.H. (2007). *Style in fiction: A linguistic introduction to English Fictional Prose*. Longman.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Azuwan Yaakob, Awang Sariyan, Syed Nurulakla Syed Abdullah, Sharil Nizam Sha'ri & Audrey Geraldine Boudville. (2021). Application of children's fiction narrative writing genre among slow learning children. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *11*(3), 784–819.

Puteri Roslina Abdul Wahid dan & Azimah. 2016. Gaya pembelajaran kanak-kanak lembam dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, *16*(2), 323–348.

Siti Farah, Mat Daud. (2011). *Pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lembam: Satu kajian kes* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. University of Malaya.

Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Sha'ri. (2022). Analisis kesilapan kata tugas dalam karangan Bahasa Melayu murid tahun enam. *Asian Journal of Civilizational Studiese*. ISSN 2682–8022. http://www.ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/102/72.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita bahasa Melayu* (Edisi Baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.